

Nilai-nilai Agama Islam di Pulau Perhentian

BITARA

Volume 4, Issue 4, 2021: 054-062
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Islamic Religious Values in Perhentian Island

Mohd Shafiee Hamzah,¹ Anas Mohd Yunus,^{1*} Nik Nor Azeah Nik Azman,¹
Mariam Nabilah Mohd Noor¹ & Mohd A'tarahim Mohd Razali¹

Abstrak

Pulau Perhentian merupakan sebuah pulau yang asalnya sebuah pulau perkampungan nelayan telah berubah menjadi sebuah pulau pelancongan. Menurut catatan Tourism Malaysia, Pulau perhentian mula menjadi tumpuan pelancong di awal tahun 90-an setelah pelancong mula berubah arah dari Kg. Cherating Pahang ke Pulau Perhentian (Tourism Malaysia: 2015). Semenjak dari itu, imej Pulau Perhentian mula berubah dari sebuah pulau perkampungan nelayan kepada pulau pelancongan. Menurut Nik Zawawi (2021) proses transformasi pulau perhentian tersebut telah memberi cabaran kepada warga kampung untuk mempertahankan nilai-nilai Islam yang sedia ada dalam berdepan dengan budaya-budaya luar yang dibawa oleh pelancong asing. Walaupun begitu, penduduk kampung tetap berusaha untuk memperkukuhkan nilai-nilai Islam agar perkembangan pelancongan tidak menghapuskan nilai-nilai Islam di pulau tersebut. Justeru, Kertas ini bertujuan untuk mendokumentasikan nilai-nilai Islam yang wujud di Pulau Perhentian walaupun pada masa yang sama ia bertembung dengan nilai-nilai pelancongan barat yang datang ke Pulau Perhentian. Kajian ini akan menggunakan pendekatan pemerhatian dan temu bual bagi mengumpul maklumat, dan maklumat yang didapati akan dianalisis dengan menggunakan perisian atlas.ti. Kajian mendapati bahawa walaupun pulau perhentian sekarang ini telah berubah menjadi pulau yang berteraskan pelancongan, namun nilai-nilai Islam masih boleh didapati dalam kalangan warga tempatan. Kajian ini memberi input yang penting kepada pembangunan dan perancangan bagi memajukan industri pelancongan berteraskan Islam.

Kata kunci:

Nilai-nilai Islam, Pulau Perhentian.

Abstract

Pulau Perhentian is an island that was originally a fishing village island and has been transformed into a tourist island. According to Tourism Malaysia records, Pulau Perhentian began to be the focus of tourists in the early 90s after tourists began to change direction from Kg. Cherating Pahang to Pulau Perhentian (Tourism Malaysia: 2015). Since then, the image of Pulau Perhentian began to change from a fishing village island to a tourist island. According to Nik Zawawi (2021) the transformation process of Perhentian Island has challenged the villagers to defend the existing Islamic values in the face of foreign cultures brought in by foreign tourists. Despite this, the villagers still strive to strengthen Islamic values so that the development of tourism does not destroy Islamic values on the island. Thus, this Paper aims to document the Islamic values that exist in Pulau Perhentian although at the same time it collides with the values of western tourism coming to Pulau Perhentian. This study will use observation and interview approach to collect information, and the information

¹ Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

Anas Mohd Yunus, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*e-mel: anas@unisza.edu.my

obtained will be analyzed using atlas.ti software. The study found that although Perhentian Island has now been transformed into a tourism-oriented island, Islamic values can still be found among locals. This study provides important input to the development and planning to advance the Islamic-based tourism industry.

Keywords:

Islamic Religious values, Pulau Perhentian.

Cite This Article:

Mohd Shafiee Hamzah, Anas Mohd Yunus, Nik Nor Azeah Nik Azman, Mariam Nabilah Mohd Noor & Mohd A'tarahim Mohd Razali. 2021. Nilai-nilai Agama Islam di Pulau Perhentian. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 54-62.

Pengenalan

Pulau Perhentian merupakan sebuah pulau yang terletak di Daerah Besut, lebih kurang 11.8 Nautika (20 km) dari Jeti Kuala Besut dan ia berada di bawah pentadbiran Majlis Daerah Besut. Pada awalnya pulau perhentian ini merupakan sebuah perkampungan nelayan, namun perkembangan industri pelancongan yang begitu cepat di Pulau tersebut telah merubah imej pulau tersebut dari sebuah perkampungan nelayan kepada pulau pelancongan. Pulau perhentian ini terdiri dari tiga buah pulau iaitu i- Pulau perhentian kecil, ii- Pulau Perhentian Besar dan iii- Pulau Susu Dara dan pulau-pulau kecil yang lain yang jumlah keluasan ialah 1392.15 Hektar. Walaupun begitu, hanya sebuah pulau yang menjadi penempatan iaitu Kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian Kecil iaitu berkeluasan 9.87 hektar dari jumlah keseluruhan, manakala pulau perhentian besar pula merupakan pulau yang didirikan banyak hotel untuk aktiviti pelancongan. Pulau Susu Dara pula tidak berpenghuni dan ia hanya dikunjungi bagi aktiviti snorkel dan selam skuba.

Mengikut perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu setakat April 2020, jumlah penduduk Pulau Perhentian yang menetap di Kampung Pasir Hantu ialah seramai 2374 orang dengan hampir 90% terlibat di sektor pelancongan, 5% di sektor awam, dan 5% dalam perniagaan runcit. Perkara ini dijelaskan dalam jadual di bawah:

Perkara		Bilangan
Jantina	Lelaki	1273
	Perempuan	1101
Umur	0-17	523
	18-40	864
	41-60	895
	61 ke atas	92
Bangsa	Melayu	2374
	Cina	0
Agama	Islam	2374

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu Tahun 2020

Berpandukan kepada statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu tersebut, satu perkara yang amat penting untuk diketengahkan ialah semua penduduk Pulau Perhentian ialah dari bangsa Melayu dan beragama Islam. Sudah tentu, ia menjadi satu isu yang besar bagi penduduk kampung bagi mengekalkan nilai-nilai Islam dalam diri warganya.

Penumpuan Kepada Pembelajaran al-Quran

Menurut al-Buti (1991) dan Mohd Yusuf (2000), sejarah pengajaran al-Quran bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w sedang beribadat di Gua Hira'. Baginda dilantik menjadi pesuruh Allah S.W.T. secara rasmi dengan turunnya ayat al-Quran yang pertama. Dengan perutusan kenabian tersebut, maka bermulalah pendidikan yang bersumberkan wahyu al-Quran. Bacaan yang diajar oleh Jibrail a.s dan dibaca oleh Rasulullah s.a.w bukan semata-mata bacaan, tetapi ia dilakukan supaya diikuti dan difahami. Justeru itu, apabila diturunkan wahyu kepada Rasulullah s.a.w, Baginda tidak berhenti menggerakkan lidah dan bibirnya sehingga Allah S.W.T. melarangnya berbuat demikian. Allah S.W.T. memberi jaminan kepada rasul-Nya berkaitan amalan menghafal al-Quran dan membetulkan bacaan rasul-Nya. Hal ini disebut dalam firman Allah S.W.T.:

Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al Quran karena hendak cepat-cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya (Surah al-Qiamah, 75: 16-19).

Ayat di atas menunjukkan bimbingan Allah S.W.T. kepada rasul-Nya tentang kaedah mempelajari al-Quran melalui malaikat Jibrail a.s. Kaedah pengajaran al-Quran pada peringkat awal bermula dengan Jibrail a.s sebagai guru untuk membacakan kepada Nabi s.a.w dan Baginda diminta supaya mendengar dan memerhatikan bacaan Jibrail a.s. Pada awalnya, Rasulullah s.a.w tergopoh-gapah dalam bacaan akibat tekanan suasana yang cemas kerana pengalaman yang baru dihadapi dengan kedatangan malaikat Jibrail a.s Namun begitu, semasa melalui proses bacaan al-Quran ini Baginda tidak tergopoh-gapah dalam bacaan dan hanya mengikuti bacaan al-Quran apabila malaikat Jibrail a.s selesai membacanya (al-Buti, 1991). Rasulullah s.a.w dalam mempelajari al-Quran amat memerlukan pertolongan Allah S.W.T. kerana mempelajari al-Quran berbeza dengan mempelajari sesuatu yang lain. Allah S.W.T. telah memberi jaminan kepada rasul-Nya bahawa al-Quran yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w tidak akan dilupai selama-lamanya. Dengan jaminan ini, maka setiap kali Jibrail a.s datang membawa wahyu kepada Rasulullah s.a.w, Baginda mendengarnya dengan penuh perhatian dan apabila Jibrail a.s selesai, Nabi membacanya sebagaimana Jibrail a.s membacanya (Kamarul Azmi, 2013).

Dari temubual yang dibuat, isu pengajian al-Quran menjadi isu yang amat diberi penumpuan oleh komuniti Pulau Perhentian. Menurut Nik Zawawi (2020) pembelajaran

membaca al-Quran merupakan anak kunci bagi mengikat anak-anak di Pulau perhentian dengan Agama Islam. Apabila komuniti sudah pandai membaca al-Quran, sudah tentu jiwanya akan dekat dengan agama. Pengajian al-Quran di Pulau perhentian boleh dibahagikan kepada dua iaitu pendidikan secara formal dan tidak formal.

a. Pengajian formal:

Pengajaran al-Quran dilakukan secara formal dalam tiga (3) institusi iaitu Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian (SKPP), TADIKA KEMAS dan PASTI al-Marjan. Bagi Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian, seramai 6 orang guru agama disediakan bagi mengajar al-Quran kepada murid-murid sekolah iaitu:

- i. Ustaz Zaimi bin Daud
- ii. Ustaz Mohd Zamri bin Zakaria
- iii. Ustazah Zubaidah binti Idris
- iv. Ustazah Ramlah binti Jaafar
- v. Ustazah Sharifah Norhasima bt Shikh Sudin
- vi. Ustazah Razianti bt Wizi

Di samping pengajaran al-Quran kepada kanak-kanak sekolah rendah yang berusia 7-12 tahun, TADIKA KEMAS dan PASTI AL-MARJAN pula berperanan sebagai tempat pembelajaran formal bagi mengajar al-Quran bagi kanak-kanak pra sekolah iaitu 4-6 tahun.

b. Pengajaran tidak formal

Menurut Nik Mohamad Zawawi (2021) Pengajian al-Quran di Pulau Perhentian ini semenjak dari dahulu dilakukan secara tradisional dan tidak formal. Secara tradisinya, penduduk kampung akan pergi mengaji di rumah tuan Imam. Menurut beliau, terdapat beberapa tokoh pengajaran al-Quran di Pulau Perhentian iaitu:

- i. Ustaz Abu Bakar
- ii. Tok Imam Mat Zin
- iii. Tok Imam Mustafa
- iv. Tok Sekdah
- v. Mak De Zizah
- vi. Tok Iman Salahudin

Kesemua guru-guru al-Quran ini telah meninggal dunia kecuali Tok Imam Salahudin yang masih giat mengajar al-Quran kepada penduduk kampung pada waktu ini. Justeru, dua kaedah pengajaran ini merupakan kaedah yang digunapakai oleh komuniti Pulau Perhentian mendapat pendedahan awal terhadap pengajian al-Quran dalam usaha menyiapkan diri supaya setiap ahli komuniti dengan ilmu agama.

Masjid sebagai Syiar Agama Islam di Pulau Perhentian

Masjid merupakan salah satu platform utama dalam sesebuah masyarakat dalam usaha menyampaikan Islam. Tuntutan seruan dakwah merupakan kesinambungan daripada usaha dakwah para Nabi a.s yang terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW antaranya Nabi Nuh a.s, Nabi Hud a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Lut a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Sulaiman a.s, Nabi Daud a.s sehinggalah Nabi Isa a.s dan berakhirlah kerasulan setelah baginda Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir.

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, masjid merupakan tempat bagi mengumpulkan orang Islam menerima pengajian Islam daripada baginda. Selain itu, masjid dijadikan tempat pertemuan sesama muslimin mengeratkan silaturahim serta tempat perbincangan umat Islam dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Solat berjemaah yang dilaksanakan di masjid merupakan salah satu kaedah untuk memupuk semangat kerjasama dalam satu barisan di kalangan umat Islam (Ab. Aziz Mohd Zin 2012). Komunikasi masjid memberi impak yang sangat tinggi terhadap masyarakat dalam proses interaksi bagi menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan pemikiran, sikap dan emosi (Zulkiple Abd. Ghani 2003). Dapatan kajian yang telah dilakukan berkaitan maklum balas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid di Semenanjung Malaysia membuktikan keberkesanan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid sekaligus menunjukkan kepentingan peranan masjid sebagai institusi yang memberi impak tinggi dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat (Yusmini & Mohd Anwarulhaq 2004).

Pembinaan masjid merupakan satu infrastruktur yang amat penting sehinggakan dalam peristiwa Hijrah rasulullah SAW ke Madinah al-Munawwarah, pembinaan masjid telah diberi keutamaan oleh Baginda SAW. (al-Mubarakfuri:) Usaha pertama yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW ialah membina masjid sewaktu dalam perjalanannya berhijrah ke Madinah. Baginda telah bermalam di sebuah tempat bernama Quba' selama beberapa malam, seterusnya mengasaskan pembinaan sebuah masjid di situ yang dinamakan masjid Quba' (Yahya Mahmud Salman 2005).

Dalam konteks pulau perhentian, pulau ini memiliki sebuah masjid yang amat cantik dan sangat bersesuaian dengan statusnya sebagai pulau bertaraf pelancongan iaitu Masjid al-Rahman. Menurut Datuk Mohd Rozali Saleh (2015) pembinaan Masjid ar-Rahman Pulau Perhentian telah siap sepenuhnya pada tahun 2015 bagi menggantikan masjid lama sebelum ini. Menurut Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman (2015), pembinaan masjid ini adalah memenuhi keperluan ibadat kepada penduduk kampung dan juga menjadi daya penarik kepada para pelancong. Bagi Ustaz Zaimi Daud (2021) masjid merupakan institusi pendidikan yang penting dalam pembinaan rohani dan menjadi mercu tanda keagungan umat Islam di sesuatu tempat. Justeru, pembinaan Masjid Rahman di Pulau Perhentian menunjukkan keagungan agama Islam di Pulau perhentian.

Selain itu, kedatangan pelancong yang kian bertambah telah mendorong Majlis Pengurusan komuniti Kampung (MPKK) telah membina sebuah surau awam secara bergotong-royong di Long Beach, Pulau Perhentian dalam usaha mempertahankan nilai-nilai Islam di Pulau Perhentian. Menurut Riduan Mohammad Nor (2019) pembinaan surau tersebut adalah untuk kemudahan pelancong beragama Islam, penduduk setempat dan pekerja calet di situ. Ia

juga termasuk syiar azan yang dilaungkan lima kali sehari untuk memberitahu masuknya waktu solat kepada pengunjung.

Program Agama di Masjid Pulau Perhentian

Institusi masjid mempunyai fungsi yang lebih besar dalam dunia pendidikan Islam. Kesan daripada penghijrahan Rasulullah s.a.w. ke Madinah, masjid berperanan sebagai penyumbang besar terhadap perkembangan pelajaran dan pendidikan serta menjadi sebuah institusi terpenting. Menurut Ibn Hisyam (1971: 11/2) dan al-Tabari (1965: 1259), Nabi Muhammad s.a.w. telah mendirikan Masjid Quba', Masjid al-Mirbad dan Masjid Nabawi di Madinah yang telah dijadikan pusat pendidikan Islam.

Penggunaan masjid sebagai institusi pendidikan selain daripada tempat untuk melakukan aktiviti ibadah khusus, adalah bersesuaian dengan inspirasi akhlak dan kemasyarakatan umat Islam. Penampilan institusi masjid sebagai sebuah pusat pendidikan adalah satu anjakan yang terhasil kesan daripada pertentangan fungsi utama rumah yang merupakan hak individu dan agak kurang sesuai sebagai institusi terbuka untuk pertemuan umum. (Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi.)

Tempat pembelajaran yang paling utama dan berkesan adalah masjid kerana belajar di dalamnya dapat menghidupkan sunnah dan menghapuskan bidaah, hukum-hukum Allah S.W.T. dapat dipelajari dan diamalkan. Masjid dapat menyediakan keperluan yang cukup kerana ia menjadi tempat pertemuan umum bagi semua lapisan masyarakat.

Memang tidak dapat disangkal lagi, bahawa masjid membawa risalah kemasyarakatan dan kerohanian yang agung nilainya terhadap kehidupan umat Islam. Masjid merupakan medium yang menyatukan umat Islam, menyucikan jiwa mereka, menghidupkan hati dan akal mereka, menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka dan akhirnya menampilkan kekuatan jua hubungan erat mereka. Firman Allah S.W.T.:

Terjemahan: Siapa lagi yang terlebih zalim daripada orang yang menghalang masjid-masjid Allah bahawa disebut di dalamnya nama-Nya dan berusaha merobohkannya? Mereka tidak layak memasukinya kecuali dengan rasa takut (kepada Allah). Bagi mereka kehinaan di dunia dan bagi mereka azab yang sangat dahsyat di akhirat (Al-Baqarah, 2:114).

Masjid merupakan sebuah institusi yang sentiasa menjadi tempat perkembangan keilmuan. Semenjak dari zaman rasulullah lagi, masjid sentiasa menjadi tumpuan kepada pembelajaran agama. (Abdullah, Wahyu & Norani, Mohammad : 2020). Masjid al-Rahman Pulau Perhentian ini juga meneruskan tradisi keilmuan tersebut dengan menjalankan fungsi pembelajaran ilmu kepada masyarakat setempat. Hasil penelitian mendapati masjid ini menjalankan dua jenis aktiviti pengajian ilmu iaitu i- pengajian berkitab dan ii- ceramah umum.

a. Pengajian berkitab

Pengajian berkitab ini dijalankan dalam dua waktu iaitu a- antara waktu maghrib dan isyak' dan b- selepas waktu subuh. Perkara ini disebabkan oleh pengkuliahan yang mengajar akan datang ke Pulau Perhentian pada waktu petang dan akan bertolak balik ke Besut keesokan paginya. Menurut Nik Zawawi (2021) kuliah maghrib diadakan setiap hari kecuali hari Jumaat.

b. Ceramah umum

Masjid al-Rahman Pulau Perhentian juga menyediakan platform pengajian ilmu kepada komuniti dengan menjemput penceramah-penceramah selebriti terkenal tempatan dan antarabangsa. Menurut Ahmad Zakuan (2020) tujuan Ahli Jawatankuasa Masjid al-Rahman menjemput penceramah tersebut adalah untuk menarik golongan muda untuk hadir bersama-sama mengimarahkan majlis ilmu. Berikut merupakan nama penceramah yang dijemput oleh AJK Masjid Al-Rahman Pulau Perhentian:

Bil	Tarikh	Nama
1	3 Ogos 2018	Ustaz Afis Ibrahim
2	10 Ogos 2018	Ustaz Azhar Idrus
3	17 Ogos 2018	Ustaz Maulana Helmi
4	7 Sept 2018	Ustaz Ahmad Muzani Abd Rahman
5	25 Mac 2019	Pu Salman
6	29 Mac 2019	Ustaz Mohamad Kecil
7	18 Jun 2019	Baba Ismail Sepanjang
8	7 Sept 2020	Ustaz Muhaizad Muhamed

Nilai-nilai Agama Islam dalam Kawasan Kampung

Selain dari itu, hasil tinjauan mendapati terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam masih lagi wujud di Pulau Perhentian iaitu:

- a. Terdapat kedai makan yang menjadikan Kaligrafi Allah, Muhammad dan Asmaul Husna sebagai hiasan dinding kedai tersebut. Perkara ini menunjukkan masih terdapat nilai-nilai Islam yang diabadikan di kedai makan bagi menunjukkan seni Islam masih menjadi pilihan dalam kalangan peniaga di Pulau Perhentian.

- b. Kebanyakan kedai yang berada di Pulau Perhentian menggunakan tulisan jawi pada papan tanda Nama kedai pulau perhentian.
- c. Satu lagi perkara yang diperhatikan oleh pengkaji ialah pakaian yang dipakai oleh penjual di gerai-gerai di pulau perhentian. Bagi penjual perempuan, semuanya bertudung walaupun sebahagiannya masih mengenakan baju T-Shirt berlengan pendek.
- d. Bagi menjaga adab beragama, penduduk kampung telah mendirikan beberapa papan tanda yang menunjukkan kecaknaan kepada hidup yang dipenuhi dengan kesopanan dan kesusilaan. Terdapat papan tanda yang dinaikkan oleh Jawatankuasa penduduk kampung iaitu: “Sila Berpakaian Sopan Di Kawasan Kampung”, “Zon Menutup Aurat” dan “dilarang menghisap rokok”.

Kesimpulan

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa walaupun pulau perhentian sekarang ini telah berubah menjadi pulau yang berteraskan pelancongan, namun nilai-nilai Islam masih boleh didapati dalam kalangan warga tempatan. Pengajian ilmu agama masih giat diamalkan di masjid dan di sekolah. Ahli jawatankuasa Kampung juga telah menjalankan tanggungjawab dengan menaikkan papan tanda kesedaran bagi mengekalkan nilai-nilai Islam dalam komuniti pulau perhentian. Kajian ini memberi input yang penting kepada pembangunan dan perancangan bagi memajukan industri pelancongan berteraskan Islam.

Rujukan

- Ab Aziz Mohd Zin. (2012). *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi SAW*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM.
- ‘Abd al-Ḥayy, ibn Aḥmad Ibn al-‘Imād. 1931. *Shadharat al-dhahab fi akhbâr man dhahab*. Qâherah: Maktabah al-Qudsi.
- Abdullah, Wahyu & Norani, Mohammad. (2020). Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka [Analysis of Religious Studies Activities in institutions Mosques of Malacca]. 3. 2020.
- al-Buti ‘Abd al-Aziz Muhammad, Sa‘id Ramadan. 1991. *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.
- <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2019/08/09/long-beach-roboh-maksiat>
- Ibn Hisyam. 1971. *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Thurath al-Arabi.
- Ibn Imad Yahya Mahmud Salman. 2005. *al-Sīrah al-Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Markaz al-Bayan.,
- Jasmi, K. A. & Che Noh, M. A. (2013). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran (History, Methods, and Models of Teaching and Learning of the Quran) in Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) alQuran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI) at Masjid Negara. Kuala Lumpur on 28- 29 October 2013
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2004. Kajian Tentang Maklumbalas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 20(20): 201-222.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2003. *Membangun Institusi Masjid, Komunikasi Masjid*. Kuala Lumpur: APIUM.